

25 JUN 1999

DR MAHATHIR BERSOLAT JUMAAT DI MASJID PUTRA

PUTRAJAYA, 25 Jun (Bernama) -- Masjid Putra, yang menjadi satu daripada mercu tanda pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baru di sini, buat pertama kalinya menerima jemaah solat Jumaat hari ini termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau disertai Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali dan kakitangan kerajaan yang telah memulakan kerja di kompleks pentadbiran baru itu.

Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut mengunjungi Masjid Putra.

Masjid itu, yang dapat menampung 15,000 jemaah, dihiasi kubah berwarna merah jambu, menara setinggi 116 meter dan menghadap sebuah tasik buatan manusia.

Ia terletak tidak jauh daripada bangunan Jabatan Perdana Menteri yang menempatkan Pejabat Perdana Menteri.

Dr Mahathir memulakan tugas di pejabat barunya Isnin lalu.

Putrajaya yang meliputi kawasan seluas 4,581 hektar, iaitu kira-kira 40 km di selatan Kuala Lumpur, ialah satu daripada dua bandar "pintar" di bawah projek Koridor Raya Multimedia (MSC), zon teknologi seluas 15 X 50 kilometer.

-- BERNAMA

MAM NAK